

**Najib Ingatkan Calon Dan Jentera BN Jangan Sia-Siakan Usaha Parti Komponen Bernama**  
**20 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak Sabtu mengingatkan calon dan jentera Barisan Nasional (BN) supaya jangan mensia-siakan apa yang telah dilakukan oleh parti gabungan itu dalam membangunkan negara.

"Inilah masa kemuncaknya. Jangan sia-siakan apa yang kita lakukan. Janji ikrar kepada rakyat dan aku janji BN merupakan komitmen kita kepada pengundi dan rakyat Malaysia," kata perdana menteri semasa ditemubual secara lintas langsung oleh TV3 di Pekan, Pahang.

Najib sebelum itu menyerahkan kertas pencalonannya untuk pilihan raya umum 5 Mei ini, mempertahankan kerusi parlimen Pekan yang dipegangnya sejak 1976, pada pukul 9.08 pagi di pusat penamaan yang diadakan di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan.

Najib juga mengingatkan calon dan jentera parti BN bahawa inilah masanya untuk mereka teruskan apa yang BN rancang selama lima tahun bagi menghadapi pilihan raya umum ke-13 ini.

Menyentuh kerusi Parlimen Pekan yang ditandinginya, pengerusi BN itu berkata beliau akan berusaha sedaya supaya untuk menambah majoriti undi bagi kerusi itu dan yakin akan berjaya, berdasarkan kepada usaha-usaha murni oleh BN kepada rakyat di kawasan itu.

Pada pilihan raya umum 2008, beliau mengalahkan pencabarnya Khairul Anuar Ahmad Zainudin daripada PKR dengan majoriti besar sebanyak 26,464 undi.

Najib berkata beliau percaya pengundi di situ bertambah yakin dengan BN kerana yakin masa depan mereka terjamin.

Untuk PRU13, Najib ditentang calon PKR Fariz Musa.

Mengenai cabaran yang dihadapinya bagi menambah majoriti undi kali ini, beliau berkata: "Saya sudah lama berkhidmat di Pekan dan telah membawa banyak perubahan. Jadi pengundi di Pekan boleh nampak apa yang saya lakukan sebelum ini.

"Insyallah, saya berazam untuk meneruskan segala perjuangan dan ingin membawa lebih banyak manfaat kepada rakyat Pekan," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943667>